

# FOBAN HYDRO OINTMENT

Sodium Fusidate (2.0% w/w), Hydrocortisone (1.0% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Foban Hydro Ointment
2. Bagaimana Foban Hydro Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Foban Hydro Ointment
4. Cara menggunakan Foban Hydro Ointment
5. Semasa menggunakan Foban Hydro Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Foban Hydro Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Foban Hydro Ointment. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Foban Hydro Ointment

Foban Hydro Ointment digunakan untuk jangkitan kulit radang (ekzema atau dermatitis) dan juga jangkitan yang disebabkan oleh kuman (bakteria).

Jika anda mempunyai sebarang kemosyikilan tentang penggunaan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

## Bagaimana Foban Hydro Ointment berfungsi

Foban Hydro Ointment mengandungi bahan-bahan aktif Sodium Fusidate dan Hydrocortisone.

Setiap gram salap mengandungi 20mg Sodium Fusidate dan 10mg Hydrocortisone.

**Sodium Fusidate** adalah antibiotik yang memberi aktiviti antibakteria terhadap kuman (bakteria) pada kulit.

**Hydrocortisone** adalah sejenis *corticosteroid* (steroid) yang membantu untuk mengurangkan bengkak, kegatalan dan kemerahan kulit.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan Foban Hydro Ointment

### Bila tidak boleh menggunakan

### Jangan menggunakan Foban Hydro Ointment sekiranya:

- Anda adalah sangat sensitif terhadap sebarang fusidic acid dan garamnya, hydrocortisone atau bahan yang terkandung dalam ubat ini.
- Anda menghadapi jangkitan bakteria yang tidak responsif terhadap ubat ini, virus kulit, batuk kering, cacar air, jangkitan kulit disebabkan oleh sifilis, tindak balas selepas vaksinasi, dan jangkitan kulat kulit.

## Sebelum menggunakan Foban Hydro Ointment

### Maklumkan ahli farmasi atau doktor:

- Sekiranya anda mempunyai jangkitan pada kulit dan nyatakan kawasan jangkitan.
- Jika anda menggunakan mana-mana ubat yang memerlukan preskripsi atau ubat-ubatan tanpa preskripsi atau produk kulit.

### Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.
- Ubat ini tidak boleh digunakan secara meluas, dalam kuantiti yang

besar atau untuk jangka masa yang panjang jika anda mengandung.

- Tiada rekod menunjukkan ubat ini selamat digunakan semasa kehamilan dan laktasi (penyusuan).
- Jangan menyapu ubat ini ke atas dada sebelum menyusukan anak.

## Jika menggunakan ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang memerlukan preskripsi dan produk-produk herba).

## Cara menggunakan Foban Hydro Ointment

### Berapa banyak harus digunakan

Untuk orang dewasa dan kanak-kanak, pada luka yang tidak dibalut: sapukan ubat 2-3 kali sehari secara lembut. Kurangkan kekerapan penggunaan pada luka yang dibalut. Untuk maklumat yang lebih terperinci, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

### Bila perlu digunakan

Gunakan ubat selepas membersihkan bahagian yang terjejas.

### Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk tempoh rawatan.

### Jika terlupa menggunakan

Gunakan dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya. Penggunaan seterusnya adalah seperti biasa.

### Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Penggunaan berlebihan dalam jangka masa yang pendek berkemungkinan besar tidak akan berlaku. Namun, penggunaan berlebihan yang berterusan atau

penyalahgunaan mungkin mengakibatkan peningkatan risiko kesan sampingan secara topikal atau sistemik.

Jika anda mengesyaki bahawa anda terlebih dos, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda. Bawa baki ubat dengan anda.

### Semasa menggunakan FOBAN HYDRO OINTMENT

#### Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda akan mula menggunakan sebarang ubat baru, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengguna Foban Hydro Ointment.

#### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan Foban Hydro Ointment sekiranya anda mengalami iritasi atau alahan selepas menggunakan ubat ini.

#### Perkara yang perlu diberi perhatian

**Ubat ini hendaklah digunakan secara berwaspada apabila disapukan di kawasan berhampiran mata.** Jika terkena mata anda, basuhkan mata anda dengan pencuci mata. Mata anda mungkin menyengat. Sekiranya anda mengalami sebarang masalah penglihatan atau mata sakit, hubungi doktor anda dengan segera.

**Jangan menggunakan ubat ini dalam jangka masa melebihi 7 hari,** melainkan doktor atau ahli farmasi anda telah memberitahu anda begitu.

Rawatan yang berterusan dan dalam tempoh yang berpanjangan perlu dielakkan pada bayi kerana pengurangan aktiviti adrenal (ketidakseimbangan hormon) mungkin berlaku.

**Jangan telan ubat ini.** Kuantiti yang kecil mungkin tidak akan menyebabkan apa-apa kemudaratian. Jika anda tidak sengaja menelan dalam kuantiti yang banyak, sila hubungi doktor anda dengan segera.

### Kesan-sesan sampingan

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengguna Foban Hydro Ointment berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Foban Hydro Ointment boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini pada segerintir orang. Semua ubat boleh mendatangkan kesan sampingan. Kadang kala ia serius, tetapi, kebiasaannya ia tidak serius.

Kesan sampingan berkemungkinan yang dilaporkan berkaitan dengan ubat ini:

- Kegatalan
- Kekeringan
- Iritasi
- Dermatitis menjadi lebih teruk
- Rasa terbakar
- Tanda regangan
- Kulit menjadi nipis
- Saluran darah yang kecil dan mengembang pada kulit
- Pertumbuhan rambut yang melampaui
- Perubahan pada warna kulit
- Jangkitan kedua

Jika anda menggunakan ubat ini pada muka, jerawat atau ruam mungkin akan timbul di sekeliling mulut, hidung, pada pipi dan dahai.

Berhenti menggunakan ubat ini dan dapatkan bantuan segera jika anda mengalami: kesukaran bernafas, muka dan tekak membengkak dan kulit ruam yang teruk.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

### Cara penyimpanan dan pelupusan Foban Hydro Ointment

#### Penyimpanan

Pastikan tiub ditutup dengan rapat. Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

#### Pelupusan

Ubat tidak boleh dibuang ke dalam sisa air. Buang ubat selepas tarikh luput.

### Maklumat lanjut

#### Rupa dan warna produk

Foban Hydro Ointment ialah salap yang halus dan tidak berwarna.

Foban Hydro Ointment boleh didapati dalam tiub aluminium 5g atau 15g.

#### Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:  
Setiap gram salap mengandungi 20mg Sodium Fusidate dan 10mg Hydrocortisone.

Bahan-bahan tidak aktif:  
White Soft Paraffin dan Liquid Paraffin

#### Nombor MAL

MAL20040244A

### Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

### Tarikh kemaskini RiMUP

26/05/2015

#### Nombor Siri

BPFK(R4/1)220515/00118